

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



Nota Hati Buat Guru

... dan semesti terdahulu buat si penulis

¹Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar & ²Wan Ahmad Khusairi Wan Chek

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

²Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Cawangan Terengganu

Islam mengajarkan seni bertalaqi di dalam menimba ilmu
Justeru, di sini wujudlah apa yang dinamakan sebagai guru dan si murid
Guru adalah hamba Allah dan begitulah juga si anak murid
Oleh itu, keduanya mempunyai amanah dan tanggungjawab
Guru wajib menunaikan amanah dengan menunaikan hak si anak murid
Begitu juga sebaliknya. Ke atas murid ada hak seorang guru
Maka di sini, keduanya pasti menemui keberkatan di dalam ilmu. Mengapa ia perlu?
Kerana guru dan murid adalah hamba Allah yang memerlukan kepada redha Ilahi

Wahai guru.. sebenarnya tiada apa yang hendak dibanggakan
Kerana ilmu itu semuanya daripada Allah, ia hanya sebuah pinjaman
Bahkan ia adalah suatu amanah untuk disampaikan kepada yang hak
Maka, merendah diri itu lebih wajar

Pastikan kita memberi sepenuhnya segala hak ilmu yang perlu kepada si murid
Ilmu yang benar, ilmu yang berkualiti
Malahan kalau boleh dilebihkan agar hitungan kita di akhirat nanti tiada gusar
Mungkin pula amanah dan tanggungjawab kita lebih besar daripada si murid
Maka, soalnya di sana pasti panjang. Siapakah kita?

Si guru mungkin yang lebih tua, yang lebih matang
Namun tetaplah saling menghormati dan menyayangi
Ada ketikanya mungkin si murid melemparkan soalan yang 'kurang cerdik' pada hemat guru
Namun ia mungkin penting baginya dan raikanlah mereka dengan ikhlas
Kita juga punya khilaf dan kurang
Tiada apa yang dirugikan dan bantulah mereka sentiasa
Si murid perlu berlapang dada untuk dibantu
Dan guru pula perlu berkorban untuk membantu
Marahlah kerana Allah, bukan kerana nafsu

Ulamak dan imam besar terdahulu juga adalah guru
Namun tidaklah pula kita terasa selayaknya untuk disamakan
Tak terbanding pengorbanan mereka di dalam menyampaikan ilmu
Sama-sama kita ambil aura dan roh jihad mereka dalam menyampaikan risalah

Bukankah kita lebih suka jika murid kita lebih berjaya daripada diri kita sendiri?
Itulah kepuasan seorang guru. Alhamdulillah



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash